

## **Perceraian, Nafkah dan Harta**

**(Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Pulau Pinang) 1985 (Pindaan Tahun 1993\*)**

### **Syarat-syarat Perceraian**

- (a) Perkahwinan anda didaftarkan di Malaysia.
- (b) Perkahwinan anda mengikut Hukum Syarak.
- (c) Permohonan perceraian harus dibuat di negeri tempat anda atau suami anda tinggal.

### **Jenis Perceraian**

Terdapat 4 jenis perceraian yang sering digunakan:

- (i) Taliq
- (ii) Fasakh
- (iii) Khulu
- (iv) Lafaz Talaq

### **Taliq (Perceraian kerana melanggar perjanjian)**

(S.50)

Taliq adalah perjanjian perkahwinan yang dilafazkan oleh suami semasa akad nikah. Jika suami anda melanggar taliq, anda boleh melaporkan hal ini kepada mahkamah, dan sekiranya mahkamah mendapati suami telah engkar taliq maka perkahwinan boleh terbubar dengan satu talaq. Taliq mempunyai syarat-syarat seperti berikut:

- (a) meninggalkan anda selama 4 bulan atau lebih tanpa nafkah; dan
- (b) melakukan penganiayaan terhadap anda.

Biasanya perkahwinan yang didaftarkan selepas tahun 1980 mempunyai taliq yang tertulis di sijil perkahwinan. Semua negeri mempunyai taliq berkaitan nafkah dan peninggalan langsung. Hanya beberapa negeri membenarkan perceraian taliq atas alasan penganiayaan.

### **Fasakh (Pembubaran Perkahwinan)**

(S.52)

Anda boleh memohon fasakh jika suami anda melakukan kesalahan tertentu. Di antaranya ialah jika suami anda:

- (a) hilang selama lebih daripada 1 tahun;
- (b) tidak memberi nafkah selama 3 bulan;
- (c) dipenjarakan selama 3 tahun atau lebih;
- (d) gagal memberi nafkah batin tanpa sebab yang munasabah selama 1 tahun;
- (e) berterusan mati pucuk sejak mula berkahwin tanpa pengetahuan anda;
- (f) menghidap kusta atau vitilago atau penyakit kelamin yang berjangkit atau gila selama 2 tahun;
- (g) berkahwin tanpa rela anda pada usia anda 18 tahun atau kurang, walaupun diwalikan oleh wali mujbir dan suami belum menyetubuhi anda hingga sekarang;
- (h) menganiaya anda seperti melakukan penderaan fizikal dan mental, memaksa anda menjalani hidup yang tidak bermoral, menggunakan harta anda tanpa kerelaan anda, tidak adil dalam berpoligami, menghalang anda daripada beribadat dan suami anda berkawan dengan perempuan jahat;

- (i) belum menyetubuhi anda setelah berkahwin selama 4 bulan kerana suami enggan berbuat demikian;
- (j) berkahwin tanpa persetujuan anda atau persetujuan anda berdasarkan paksaan, kesilapan, ketidaksempurnaan akal dan keadaan lain yang diakui oleh Hukum Syarak;
- (k) berkahwin dengan anda dengan persetujuan sah, tetapi pada masa perkahwinan ada mengalami ketidakstabilan mental (sakit otak), samada berterusan atau berselang (mengikut tafsiran Ordinan Sakit Otak 1952) dan penyakit itu menyebabkan anda tidak berupaya memasuki perkahwinan;
- (l) anda mempunyai kecacatan yang menghalang persetubuhan;
- (m) atau alasan-alasan lain yang sah di sisi Hukum Syarak yang mungkin berbeza mengikut negeri tempat perceraian dipohon.

### **Khul**

(S.49)

Anda boleh menawarkan pampasan kepada suami sebagai balasan melafazkan talaq. Jumlah pampasan tertakluk kepada persetujuan anda dan suami anda, dengan diadili oleh mahkamah. Di zaman Rasulullah S.A.W pampasan ialah maskahwin (mahar).

### **Lafaz Talaq**

(S.47)

Perceraian diperolehi apabila suami hadir ke mahkamah dan melafazkan talaq. Sekiranya suami melafazkan talaq di luar mahkamah maka anda haruslah merujuk kepada Mahkamah Syariah untuk mengesahkan lafaz talaq tersebut.

### **Ruju'**

(S.51)

Suami hanya boleh ruju' dengan anda dalam tempoh 'iddah (3 kali haid atau 3 bulan selepas perceraian). Ruju' mesti dilafazkan oleh suami dan didaftarkan di Mahkamah Syariah. Mahkamah akan siasat samada anda bersetuju terhadap ruju' tersebut. Jika anda tidak bersetuju, mahkamah akan melantik satu jawantankuasa pendamai untuk cuba mendamaikan anda dan suami. Sekiranya anda masih tidak bersetuju, anda tidak akan dipaksa untuk ruju'. Ruju' tidak boleh dilakukan dalam perceraian khul', fasakh atau talaq tiga.

### **Nafkah dan Harta**

#### **Nafkah**

Selepas proses perceraian, anda berhak menuntut:

1. Nafkah Iddah (S.59)
2. Nafkah tertunggak isteri (jika pada masa perkahwinan suami gagal memberi anda nafkah).(S.69)
3. Nafkah anak dan nafkah tertunggak anak (jika anda diberi hak penjagaan anak secara kekal atau sementara) (S.72 & S.77)

### **Mutah (Bayaran saguhati)**

(S.56)

Anda berhak memohon mutah daripada suami anda selepas perceraian. Jumlah mutah akan ditetapkan oleh mahkamah mengikut Hukum Syarak. Diantara perkiraan mutah ialah:

$$\text{Nafkah Harian} \times \text{Tempoh Perkahwinan}$$

### **Harta Sepencarian**

(S.58)

Anda berhak memohon harta yang terkumpul semasa perkahwinan anda dan suami. Mahkamah akan membuat keputusan mengenai kadar pembahagian harta tersebut dengan mengambil kira sumbangan anda seperti :

- (a) kewangan, harta benda atau tenaga;
- (b) hutang untuk kepentingan bersama semasa perkahwinan; dan
- (c) keperluan anak-anak yang belum dewasa.

Anda berhak menuntut harta sepencarian walaupun harta yang diperolehi semasa perkahwinan hanya daripada usaha suami sahaja. Mahkamah akan membahagikan harta tersebut dengan mengambil kira:

- (a) sumbangan tenaga anda terhadap kebajikan keluarga;
- (b) sumbangan tenaga anda yang membolehkan suami mengumpul harta; dan
- (c) keperluan anak-anak yang belum dewasa daripada perkahwinan anda.

### **Hak Tempat Tinggal**

(S.71)

Anda berhak tinggal di rumah yang didiami semasa perkahwinan selagi suami anda tidak menyediakan tempat tinggal lain yang bersesuaian. Hak tempat tinggal akan terbatal apabila:

- (a) tamat tempoh 'iddah
- (b) tamat tempoh penjagaan anak  
(hingga umur 18 tahun atau lebih)
- (c) anda berkahwin lain
- (d) anda berlaku keji

### **Hadanah dan Penjagaan Anak**

(S.81)

Anda mempunyai keutamaan ke atas hadanah (custody) anak dan suami pula ke atas penjagaan (guardianship) hak dan harta anak. Hak-hak tersebut boleh dicabar di mahkamah jika salah satu pihak dianggap tidak sesuai diberi hak tersebut. Mahkamah akan mengambil kira kepentingan anak.

### **Kesalahan Perkahwinan**

Anda boleh membuat aduan di mahkamah tentang perbuatan suami anda dan mahkamah boleh mendakwanya atas kesalahan-kesalahan seperti berikut. Diantaranya ialah jika suami anda:

1. **Mengganggu anda (S.107)**  
Anda boleh mendapatkan perintah tegahan daripada mahkamah untuk menghentikan gangguan tersebut mengikut Undang-undang Keluarga Islam atau Akta Keganasan Rumatangga.
2. **Menganiaya dan berlaku tidak adil terhadap anda (S.127 & S.128)**  
Jika tersabit kesalahan suami anda boleh didenda atau/dan dipenjara.
3. **Berpoligami tanpa kebenaran mahkamah (S.123)**  
Jika tersabit kesalahan suami anda boleh didenda atau/dan dipenjara.
4. **Melafazkan cerai diluar/tanpa kebenaran mahkamah(S.124)**  
Jika tersabit kesalahan suami anda boleh didenda atau/dan dipenjara.
5. **Meninggalkan langsung anda setelah diperintah oleh mahkamah untuk kembali kepada anda dia enggan berbuat demikian (S.120&S.126)**  
Perbuatan ini melanggar perintah mahkamah dan suami boleh didenda dan/atau penjara.

**\* Seksyen mungkin berbeza negeri masing-masing. Sila rujuk Enakmen Undang-undang Keluarga Islam negeri anda.(S= Seksyen)**